

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM
BIN HAJI IBRAHIM
(KUALA SELANGOR)**

**TARIKH : 11.6.2014
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah manfaat dari segi jumlah pulangan atau hasil yang diperolehi daripada penganjuran Pameran Perkhidmatan Pertahanan (DSA) 2014 terutamanya kepada industri pertahanan negara serta apakah kesan perjanjian-perjanjian perdagangan yang ditandatangani pada masa yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pameran DSA mula diadakan secara dwi tahunan sejak tahun 1988. Pameran ini merupakan salah satu agenda diplomasi pertahanan negara untuk memperkukuhkan lagi hubungan diplomatik dengan kehadiran delegasi pertahanan dan keselamatan daripada pelbagai negara. Ianya juga membuka peluang perniagaan kepada industri pertahanan dan keselamatan negara untuk menjalin kerjasama melalui perkongsian pintar dan strategik.

Penganjuran pameran DSA telah mengukuhkan lagi reputasi Malaysia sebagai sebuah destinasi sektor pelancongan berasaskan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) bertaraf dunia. Pada kebiasaannya, peserta MICE dan pelancong perniagaan adalah pelancong yang memberi pulangan yang lebih besar berbanding pelancong biasa. Secara tidak langsung, pameran DSA telah menghasilkan *economic spin-offs* kepada aktiviti-aktiviti perniagaan berkaitan seperti sektor hospitaliti, pengangkutan,

perkhidmatan penghantaran barangan serta kontraktor dan pembekal bahan-bahan pameran.

Seterusnya, industri pertahanan tempatan diperkasakan dengan pertemuan hubungan perniagaan dua hala antara syarikat industri pertahanan tempatan dengan syarikat – syarikat industri pertahanan luar negara. Pameran ini dijadikan landasan kepada syarikat tempatan untuk menjalinkan kerjasama perniagaan dengan syarikat luar negara.

Perjanjian-perjanjian persefahaman (MOU) yang ditandatangani semasa pameran ini berlangsung membuktikan bahawa Malaysia masih menjadi hub pelaburan industri. Secara tidak langsung, ianya menarik minat pelabur-pelabur untuk melabur di Malaysia. Ianya juga membuka peluang kepada syarikat industri pertahanan tempatan dan antarabangsa untuk mengadakan kerjasama strategik dan perkongsian pintar bagi beberapa program atau projek yang akan dilaksanakan melalui MoU.

Seterusnya, DSA 2014 juga telah memberi peluang kepada Malaysia bagi menunjukkan kewibawaan dan kepimpinan dalam aspek kerjasama pertahanan terutamanya di rantau ini, selaras dengan pemilihan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2015 kelak.

Pameran DSA juga telah menonjolkan identitinya yang tersendiri dan telah menjadi satu daripada lima pameran pertahanan yang terbesar di dunia. Imej tersebut telah menaikkan nama Malaysia di mata dunia.